

UTUSAN MALAYSIA, 25 APRIL 2006
pg 2

Kemajuan dirancang tidak beban generasi masa depan

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN
dan KHAIRUDDIN MD AMIN

KUALA LUMPUR 24 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan memastikan kemajuan yang dirancang ketika ini tidak akan membebankan generasi akan datang dengan hutang.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya dasar ekonomi kerajaan hanya tertumpu kepada cukai dan perbelanjaan tanpa mengambil kira sebarang perubahan struktur dasar, maka tiada apa yang akan ditinggalkan kepada generasi akan datang.

Dalam ucapannya bertajuk *Malaysia: Pantas Ke Hadapan* pada majlis Makan Malam Kelab Perniagaan Kuala Lumpur di sini malam ini, beliau berkata, semua ahli politik mahu menjadi popular tetapi populariti tidak sepatutnya mengatasi amalan melakukan sesuatu perkara dengan betul.

Sementara itu, semasa sesi soal jawab pada majlis itu, Abdullah berkata, semua pihak perlu belajar menerima senario masa kini di mana orang ramai berpeluang memberi kritikan kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata, meskipun sesetengah pihak berasa amalan tersebut mewujudkan keadaan di luar kawalan

dan mengecewakan, namun ia baik untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku di kalangan rakyat.

"Kita perlu belajar menguruskan keadaan terbuka di mana orang ramai boleh menyuarakan aduan atau rungutan mereka kepada Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan (BEC) atau pertubuh-

Semua pihak perlu belajar menerima senario masa kini di mana orang ramai berpeluang memberi kritikan kepada kerajaan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

han bukan kerajaan yang akan memperjuangkan nasib mereka.

"Dengan media massa mendedahkan pelbagai perkara, adalah lebih baik bagi kita mengetahui (sesuatu masalah) daripada tidak, agar ia tidak mencapai tahap berbahaya dan meletup apabila sudah terlambat kelak," katanya.